

# Sihat-Afiat mahu perluas pasaran air mineral

JELI 3 Sept. - Syarikat pengeluar air mineral pertama di negeri ini, Sihat-Afiat Sdn. Bhd., mahu memperluaskan pasaran air minuman tersebut ke seluruh negara dalam waktu terdekat.

Pengurus syarikat itu, Mohd. Zulkifli Mat Nor berkata, setakat ini air minuman tersebut telah dilanggani oleh beberapa buah hotel terkemuka dan agensi swasta di negeri ini dan di Johor.

Katanya, pengeluaran air mineral itu telah dimulakan sejak Januari lalu meskipun rancangan penghasilan dan kajian mengenainya telah dilaksanakan sejak tahun 2005 lagi.

"Air mineral ini dihasilkan di kilang syarikat yang terletak di Batu 9, Lebuh

Raya Timur Barat dengan keupayaan menghasilkan 1,250 gelen air satu jam dan mengisi 24,000 botol air dengan kapasiti 500 mililiter," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan penerangan mengenai operasi kilang tersebut kepada rombongan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (Puspanita) yang melawat kilang itu semalam.

Rombongan itu diketuai oleh Pengerusi Puspanita negeri, Datin Maimunah Ahmad dan Pengerusi Puspanita Daerah Kota Bharu, Datin Ros Aini Ghazali.

Lawatan itu diadakan berikutkan keputusan persatuan untuk melanggan air mineral yang dikeluar-

kan oleh pihak syarikat berkenaan.

Mengulas lanjut, Mohd. Zulkifli berkata, setakat ini terdapat dua buah telaga di kilang itu yang mengeluarkan air dari kedalaman 120 meter dan 1,000 meter dari paras laut.

Katanya, kawasan tersebut mempunyai kandungan mineral semula jadi yang tinggi daripada sumber telaga batuan jenis gunung berapi di kawasan persekitaran hutan semula jadi.

"Air mineral semula jadi dari kawasan berkenaan adalah air bawah tanah dalam zon rekahan batuan sejak sekian lama terperangkap ribuan tahun, menyerap mineral batuan semula jadi dan dipam keluar melalui telaga tiub," jelasnya.

Mohd. Zulkifli berkata, air yang dihasilkan telah melalui proses penapisan yang teliti dengan mendapat kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan dan Perak.

"Manakala ujian bagi mengenal pasti zon penampang dan 'resistiviti' atau ujian kerintangan elektrik pula diadakan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM).

"Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia juga turut terlibat dalam kajian berkaitan bagi memastikan kelancaran pengeluaran air semula jadi di kawasan Jeli ini," katanya.

Beliau berkata, dalam perancangan masa depan, pihak syarikat bercadang memohon kawasan seluas kira-kira 80 hektar di sekitar kilang bagi memastikan pengeluaran air tidak tercemar dengan aktiviti domestik dan industri.



KAKITANGAN Sihat-Afiat mengawasi proses pembotolan air mineral sebelum diedarkan ke dalam pasaran di Jeli, semalam.